

Memahami cabaran ibu berkerjaya

Oleh RAJMAH HASAN

rencana@utusan.com.my

PERAH susu dalam stor, bilik fail, dalam tandas, bawah meja?! Kedengaran begitu janggal dan payah tetapi itulah hakikat yang terpaksa dilalui segerintir ibu bekerja yang masih menyusukan bayi, terutama yang bukan Islam.

Bagi Muslim, surau dijadikan tempat ibu-ibu bekerja ini memerah susu bagi memastikan stok susu perahan mereka mencukupi untuk diminum oleh bayi semasa ditinggal bersama pengasuh di rumah.

Senario seumpama itu bukan asing di negara ini memandangkan kesedaran dalam kalangan majikan menyediakan kemudahan berkaitan untuk memenuhi keperluan ibu-ibu bekerja ini masih rendah.

Perkara itu dikongsi Pensyarah Perubatan dan Pakar Patologi (Hematologi) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Faridah Idris ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

"Barangkali bilangan majikan yang menyediakan bilik laktasi (kemudahan untuk memerah susu) boleh dikira dengan jari.

"Sebagai alternatif, ibu-ibu menggunakan lokasi tidak sesuai sekali gus mendahului mereka kepada keadaan tidak bersih dan boleh menjelaskan kualiti susu," katanya.

Beliau yang juga konsultan susu ibu berka-
ta, perkembangan semasa menunjukkan kesedaran memberi susu badan kepada bayi semakin meningkat di kalangan wanita muda.

Namun beliau tidak menolak ketiadaan sokongan keluarga, masyarakat dan majikan untuk sama-sama menjayakan hasrat kerajaan agar semua bayi diberi susu ibu akan memudarkan semangat mereka.

Menurutnya, semua pihak melibatkan suami, pembantu tiska dan majikan berperanan dalam membantu ibu bekerja ini menyeimbangi tuntutan keluarga dan kerja.

"Sudahlah nak perah susu di pejabat susah, sesetengah pembantu tiska dan tadika pula enggan menerima perahan susu ibu



PENSYARAH Perubatan dan Pakar Patologi (Hematologi) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dr. Faridah Idris ketika ditemuramah di Fakulti Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini. - UTUSAN

dengan alasan lemah dari segi penyediaan berbanding susu formula.

"Tekanan sebegini boleh membuatkan sesiapa sahaja untuk berhenti terus daripada memerah susu dan menyusu bayi mereka serta beralih kepada pemberian susu formula sepenuhnya," katanya.

Jika sebuah bilik khas memerah susu lengkap dengan fasiliti sinki dan peti ais dianggap remeh oleh sebahagian besar majikan, beliau meminta mereka berfikir panjang untuk merenung hakikat berikut:

- Bayi yang disusukan oleh susu ibu adalah lebih sihat. Ini dapat mengurangkan perbelanjaan perubatan atau insurans syarikat;
- Dapat mengurangkan beban pengambilan cuti oleh pekerja wanita sekiranya anak sakit;

● Sekiranya kebijakan kakitangan dijaga, pekerja dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada tugas dalam bidang kerja mereka. Ini dapat memastikan bahawa mereka lebih produktif;

● Jika bilik laktasi disediakan, ini dapat memudahkan si ibu untuk merancang harinya dengan lebih baik (tidak perlu bergegas ke tempat penjagaan anaknya semata-mata untuk menyusukan anaknya).

Untuk menjadi sebuah negara maju, kata Dr. Faridah, sokongan memenuhi keperluan kebijakan pekerja-pekerja wanita amat penting memandangkan golongan itu mewakili 52.4 peratus kerja di pasaran kini.

Sekiranya tidak, katanya, hasrat kerajaan mencapai 55 peratus penyertaan tenaga wanita di Malaysia menjelang 2015 akan tersasar.

"Apa yang penting kita mantapkan kemudahan sokongan sedia ada. Jika selama ini kita hanya menggalakkan majikan menyediakan pusat jagaan kanak-kanak, apa kata kalau kita wajibkan?

"Mungkin juga boleh laksanakan penyeliaan lebih ketat ke atas pengusaha-pengusaha tiska dan tadika untuk tingkatkan mutu penjagaan kanak-kanak agar tidak banyak memberi masalah kepada ibu bapa.

"Atau pertimbangan mewujudkan lebih banyak pusat jagaan sementara bagi membolehkan ibu bapa meletakkan anak-anak selepas waktu persekolahan sementara menunggu mereka mengambil anak-anak selepas waktu pejabat," katanya.

Malaysia seharusnya mencontohi negara maju yang mana pekerja wanita diberi penghargaan sewajarnya kerana mereka dianggap asset penting dalam sama-sama meningkatkan ekonomi negara. Sesetengah negara Eropah memperuntukkan cuti bersalin enam bulan hingga setahun, manakala majikan di Amerika Syarikat pula, bersaing undi menjadi antara syarikat mesra wanita terbaik.

Antara keutamaan mereka ialah menyediakan persekitaran pekerja mesra keluarga iaitu kemudahan nurseri serta mengamalkan integrasi kehidupan bekerja untuk menarik lebih banyak penyertaan wanita.

"Kebenaran waktu kerja anjal termasuk menggunakan kaedah *job sharing* iaitu satu kerja diberi kepada dua petugas dan ini memberi kelebihan kepada mereka bertukar giliran bekerja di pejabat.

"Pendekatan *outcome based performance* juga disenangi pekerja kerana majikan hanya menilai hasil kerja cemerlang disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan tidak 'mengikat' mereka di pejabat," katanya.

Bagi memastikan negara tidak hilang tenaga kerja profesional, beliau menyokong sebarang pelaksanaan mekanisme memberi peluang pekerja wanita yang berhenti untuk kembali bekerja.

"Mungkin boleh diadakan polisi yang memberi kelonggaran kepada kakitangan wanita untuk berhenti sementara daripada pekerjaan bagi melahirkan anak dan kembali bekerja," katanya.

li bekerja setelah anak mereka membesar," katanya.

Sementara itu, ditanya kemampuannya memikul empat tugas iaitu sebagai isteri, ibu, doktor pakar dan kini penulis, katanya, beliau bersyukur kerana mendapat sokongan penuh daripada keluarga.

Walaupun ibu kepada enam anak perempuan berusia antara dua hingga 16 tahun itu masih menyusukan anak bongsunya, beliau sempat mencuri masa menghasilkan buku bertajuk 'Membesarkan anak hebat dengan susu ibu' sebagai panduan komprehensif kepada ibu-ibu bekerja.

"Ia buku panduan lengkap disampaikan dalam bahasa Melayu ringkas meliputi pelbagai topik termasuk persediaan sebelum dan selepas menjadi ibu, tips penyusuan di lapangan, mengendalikan bayi jaundis antara terkandung dalam buku 400 muka surat ini," kata graduan Universiti Malaya tahun 1998 itu.

Dr. Faridah akan bersama seorang lagi penulis, Mardiana Mat Ishak selaku panel, manakala Nora Herni bertindak moderator dalam forum 'Wanita Berkerjaya: Realistik ataupun Tidak?' bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PABKL) 2014, bermula pukul 11 pagi, esok.

PABKL 2014 diadakan selama 11 hari bermula 24 April dan berakhir 11 Mei ini berlangsung di Tingkat 4, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan dibuka kepada orang ramai bermula pukul 10 pagi hingga 7 malam pada Isnin hingga Khamis, manakala 10 pagi hingga 9 malam (Jumaat hingga Ahad termasuk cuti umum).

BISIK-BISIK

HARI ini satu lagi lakaran sejarah dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat apabila Presiden Barack Obama mengadakan lawatan tiga hari ke negara kita, 48 tahun selepas Presiden L.B. Johnson melakukan perkara serupa pada 1966 yang antara lain meninggalkan nama pada Felda L.B. Johnson di Negeri Sembilan.